



**GARIS PANDUAN
COMMERCIALIZATION SEED FUND (CSF)
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
21030 KUALA NERUS, TERENGGANU**

1. PENGENALAN

- 1.1 *Commercialization Seed Fund* (CSF) ialah dana inovasi dalaman yang berbentuk pinjaman bagi membangunkan produk ke pasaran disamping menjana pendapatan kepada universiti.
- 1.2 Hasil penjanaan pendapatan tersebut secara tidak langsung membantu dalam meningkatkan lagi prestasi pencapaian Universiti Malaysia Terengganu dalam pencapaian Malaysia Research Assessment (MyRA).

2. TUJUAN

Tujuan *Commercialization Seed Fund* (CSF)

- 2.1 Ditawarkan kepada pensyarah/penyelidik yang mempunyai ;
 - i. Produk yang telah berada di pasaran bertujuan untuk meningkatkan pemasaran (*marketing*), memperbaiki pembungkusan (*packaging*) produk serta meningkatkan mutu dan kualiti produk.
 - ii. Produk yang sudah bersedia untuk dikomersilkan bagi menyediakan kemudahan penghasilan (*production facility*) atau modal untuk dihasilkan pada skala tinggi

3. SYARAT PERMOHONAN

Dana ini terbuka kepada semua staf akademik UMT dengan syarat-syarat berikut:

- 3.1 Staf Akademik di Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
- 3.2 Bagi staf akademik bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama bertaraf tetap dan warganegara Malaysia bagi permohonan bukan warganegara Malaysia
- 3.3 Staf akademik yang sedang cuti belajar tidak dibenarkan menjadi ketua penyelidik
- 3.4 Produk yang dibiayai oleh dana CSF perlulah mempunyai *prototype* produk dan dilindungi oleh Harta Intelek serta didaftarkan dengan nama UMT dan penyelidik (pereka cipta).
- 3.4 Jumlah maksima dana CSF yang boleh dipertimbangkan adalah sebanyak RM100,000.00.

4. SKOP PEMBIAYAAN

- 4.1 Pembiayaan ini meliputi perkara-perkara yang tersebut iaitu:
- i. Up-Scaling
 - ii. Ujian di makmal yang mempunyai sijil daripada badan bertauliah
 - iii. Pembungkusan produk ke pasaran
 - iv. Pemasaran produk

5. TEMPOH PROJEK

- 5.1 Dana CSF akan ditawarkan dalam bentuk pinjaman dan tempoh bayaran balik selama 24 - 36 bulan (tiada faedah dikenakan).

6. PULANGAN PEMBIAYAAN

- 6.1 Penyelidik (pereka cipta) perlu mengemukakan Perancangan Perniagaan (*Business Model*) yang boleh dilaksanakan (*feasible*) bagi membolehkan produk tersebut dijual dan mendapat pulangan hasil (*return of investment*) dalam tempoh 24 - 36 bulan.

7. PERATURAN KEWANGAN

- 7.1 Semua penggunaan kewangan adalah tertakluk kepada pekeliling/garis panduan semasa yang berkuatkuasa di UMT.
- 7.2 Berikut adalah Vot yang dibenarkan:
- i) V21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)
 - ii) V24000 (Sewaan)
 - iii) V27000 (Bekalan dan Bahan Penyelidikan)
 - iv) V29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)
 - v) V35000 (Aksesori dan Peralatan)
- 7.3 Semua penggunaan kewangan mestilah mengikut kebenaran pembiayaan yang dinyatakan pada para 4.
- 7.4 Transaksi penjualan produk yang dibiayai oleh dana CSF perlulah melalui Bendahari UMT atau Syarikat berkaitan UMT.

8. LICENSING /PENJUALAN TERUS PRODUK

- 8.1 Pembahagian hasil *licensing* penjualan terus produk adalah mengikut kadar peratusan semasa universiti.
- 8.2 Dua model dibangunkan untuk dana CSF iaitu:
- i) Produk mempunyai harta intelek yang didaftarkan oleh Universiti sama ada eksklusif atau non-eksklusif :
 - a) Pembahagian 70% penyelidik, 30% UMT untuk tempoh 24 - 36 bulan bergantung kepada MOA/perjanjian yang telah ditandatangani.
 - b) Bayaran royalti (2% hingga 3%) untuk tempoh 24 - 36 bulan bergantung kepada MOA/perjanjian yang telah ditandatangani. Hasil royalti tersebut, pembahagian 70% penyelidik dan 30% UMT
 - ii) Produk dijual terus kepada Syarikat dan produk tersebut sekurang-kurangnya telah berstatus *Copyright/Trademark*.
 - a) Pembahagian hasil jualan ialah 70% penyelidik dan 30% UMT.
 - b) Nilai minimum pengkomersialan produk adalah RM20, 000

9. PROSES PERMOHONAN

- 9.1 Permohonan perlu menggunakan borang permohonan dana CSF yang terkini dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC)
- 9.2 Semua permohonan hendaklah dihantar ke:
- Urusetia Dana *Commercialization Seed Fund* (CSF)
Seksyen Inovasi,
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Universiti Malaysia Terengganu
Bangunan Pengajian Siswazah
21030 Kuala Nerus, Terengganu
- 9.3 Semua permohonan dana CSF akan melalui satu proses pembentangan dihadapan Jawatankuasa berkaitan.

10. PENGUMUMAN TARIKH PERMOHONAN

- 10.1 Permohonan dana CSF akan ditawarkan sepanjang tahun, tertakluk kepada kesediaan dana yang ada.
- 10.2 Makluman pembukaan akan dibuat melalui hebahan warga UMT

11. PEMANTAUAN

- 11.1 Semua projek yang diluluskan di bawah dana CSF akan dipantau oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) dua (2) kali setahun.
- 11.2 Para penyelidik perlu menghantar laporan kemajuan mengikut format borang laporan terkini yang disediakan RMIC.